

22/09/2000

`Media asing takut akui kesilapan'

SHAH ALAM, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan kewibawaan media asing yang disifatkan lebih suka menyebarkan perkara yang didengar tanpa mahu memahaminya terlebih dulu.

Perdana Menteri berkata media asing berlagak seperti mengetahui segala-galanya, sedangkan perkara yang dilaporkan tidak benar.

Beliau memberi contoh banyak laporan negatif disiarkan media asing terhadap Malaysia, terutama berkaitan langkah yang diambil kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara.

"Tiada satu akhbar asing yang memahami langkah yang diambil Malaysia. Setiap kali melaporkan mengenai Malaysia, mereka memperkatakan mengenai kawalan modal dan menyatakan ia akan menghancurkan ekonomi negara.

"Mulanya mereka menyatakan ia boleh menghancurkan ekonomi Malaysia dengan serta merta. Kini, mereka menyatakan ia akan meleburkannya untuk jangka panjang.

"Tapi, media asing langsung tidak menyebut mengapa ia boleh berlaku dan ini cukup jelas bahawa mereka sendiri tidak memahaminya.

"Hakikatnya, media asing tidak tahu apa yang dilakukan oleh Malaysia dan apa ertinya kawalan modal terpilih. Mereka tidak mahu mengetahuinya kerana takut untuk mengakui kesilapan," katanya ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Peranan Media di Negara-Negara Berkecuali, di sini.

Malah, kata Dr Mahathir, media asing terus memperkatakan langkah kawalan modal Malaysia dan mahu tahu bila ia akan ditarik balik.

"Inilah pandangan baru mereka dan semua sekutunya akan mengulangi perkara yang sama apabila menyebut mengenai kawalan modal dan Malaysia," katanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, media asing sebenarnya masih tidak dapat menjelaskan pandangan negatif mereka terhadap negara ini.

"Sudah tentu mereka tidak boleh menjelaskannya kerana tidak tahu apa yang dilakukan Malaysia.

"Kami tidak mengenakan kawalan modal. Ia cuma kawalan modal terpilih yang hanya memberi kesan kepada pelaburan jangka pendek untuk tempoh 12 bulan.

"Pelaburan modal dalam daya pengeluaran langsung tidak terjejas. Malah, masih ramai pelabur yang mahu datang," katanya.

Dr Mahathir berkata, perkara yang sama juga berlaku apabila Malaysia menyalahkan penyangak asing yang menyebabkan penurunan nilai mata wang, bagi mendapatkan keuntungan besar.

"Media terus memberi sokongan kepada penyangak mata wang untuk menafikannya. Hari ini, IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa) dan Bank Dunia sendiri mengakui penyangak mata wang bertanggungjawab.

"(Namun) pihak media masih sukar menerimanya apabila timbul penafian terhadap laporan mereka," katanya sambil meminta media asing belajar merendah diri dan tidak menganggap mereka saja yang tahu mentadbir negara dan melaksanakan keadilan.

"Bagi wartawan Eropah, berhentilah daripada memikirkan anda lebih tahu segalanya daripada mereka yang bukan berkulit putih.

"Kita berharap mereka dapat mengubah diri. Masih ada segelintir yang baik di kalangan mereka.

"Kumpulan inilah yang harus menunjukkan kewibawaan mereka dan mengkaji semula peranan media, meningkatkannya dan melihat dengan lebih jauh daripada soal keuntungan semata-mata," katanya.

Dalam sidang akhbar selepas itu pula, Dr Mahathir berkata, terpulanglah kepada negara-negara membangun di Selatan untuk membuat keputusan sama ada untuk terus bergantung kepada media asing.

Mengenai cadangan menubuhkan agensi berita untuk negara berkecuali, beliau menjelaskan apa yang penting adalah sikap masyarakat di negara Selatan sendiri.

"Kita boleh menyalurkan berita terus, tetapi masalahnya masyarakat masih tidak percaya kepada berita yang dikeluarkan oleh Negara Selatan.

"Sebaliknya, mereka terus bergantung kepada Reuters dan CNN walaupun tahu banyak beritanya yang direka-reka.

"Saya meragui sama ada negara-negara lain akan menyiarkan apa yang Bernama (Agensi Berita Nasional Malaysia) salurkan atau apa yang agensi-agensi berita Islam salurkan sebagai berita," katanya.

Terdahulu, pada majlis itu, Dr Mahathir diberi Anugerah Kehormat Kepimpinan Antarabangsa Nasyo yang disampaikan Presiden Pertubuhan Belia dan Pelajar Berkecuali (Nasyo), Subodh Kant Sahai.

(END)